

07/05/1998

Pakej tangani kegawatan mula berhasil

reports on "Dewan Rakyat" by Faizal Fadzil; Ahmad Ghazali Musa
KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganggap pelaksanaan pakej dasar bagi menangani krisis kewangan, khususnya langkah-langkah yang diumumkan di Dewan Rakyat sebanyak tiga kali sejak 17 Oktober tahun lalu, mula menunjukkan kesan positif.

Perdana Menteri berkata, pakej dasar itu yang diumumkan pada 17 Oktober dan 8 Disember 1997 serta 24 Mac tahun ini bertujuan memulihkan keyakinan pelabur serta mengukuhkan asas dan daya tahan ekonomi.

"Ia sudah mula menunjukkan kesan positif," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Yunus Rahmat (BN-Jelebu) di Dewan Rakyat, hari ini.

Pada 17 Oktober lalu, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, membentangkan belanjawan negara bagi 1998 di Dewan Rakyat.

Beliau juga membentangkan beberapa langkah tambahan bagi menangani krisis kewangan yang melanda negara di dewan yang sama pada 8 Disember dan 24 Mac lalu.

Dr Mahathir menganggap langkah-langkah yang diumumkan dalam ketiga-tiga pembentangan itu terbukti positif kerana hasilnya telah mengukuhkan nilai ringgit di pasaran pertukaran mata wang asing.

Nilai ringgit terendah dicatat pada 7 Januari lalu iaitu RM4.880 bagi setiap AS\$1. Bagaimanapun, ia semakin kukuh selepas empat bulan apabila mencatat RM3.6600 bagi setiap AS\$1 pada 4 Mei lalu.

Dr Mahathir juga menganggap sokongan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia terhadap pakej dan dasar negara-negara serantau bagi mengatasi krisis kewangan telah membantu mengembalikan keyakinan rakyat dan pelabur asing di rantau ini.

Menurutnya, usaha kerajaan negara-negara lain di rantau ini dalam memulihkan keyakinan pelabur dan menstabilkan keadaan ekonomi masing-masing juga menyumbang kepada kestabilan pasaran kewangan di rantau ini.

Justeru, beliau berkata, ia turut mengurangkan kesan serantau terhadap pasaran kewangan Malaysia.

"Pakej dan langkah dasar yang diumumkan setakat ini sudah diterima dan disokong sebagai tindakan wajar untuk mengatasi krisis kewangan oleh IMF dan Bank Dunia.

"Sokongan kedua-dua institusi ini juga membantu mengembalikan keyakinan rakyat dan pelabur asing di rantau ini," katanya

(END)